

Appendix A – Sample of Informed Consent



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



PERSETUJUAN TERMAKLUM

Tuan / Puan,

Untuk makluman tuan/puan ini adalah merupakan satu keperluan projek penyelidikan bagi pelajar Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan dadah dan Alkohol (SPADA) Universiti Sains Islam Malaysia Semester 3- 2022/2023 untuk mendapatkan pendedahan kepada pengalaman di lapangan. Adalah diharapkan tuan/puan dapat memberikan kerjasama dan persetujuan untuk ditemuramah dan direkod bagi tujuan penyelidikan tugas ini.

Tuan/Puan akan diminta untuk menjawab beberapa soalan mengenai pengalaman berkaitan penyelidikan *aitu (Combating Drug Issues in Malaysia: Case Study Among Anti Narcotic Personnel)* Kajian Penerokaan tentang pengalaman pembanterasan dadah di Malaysia dalam kalangan pegawai narkotik. Sepanjang sesi temubual dijalankan maklumat yang diberikan adalah sulit dengan segala perkongsian pengalaman direkod dan akan mematuhi prosedur kajian yang telah ditetapkan serta hanya digunakan bagi **tujuan akademik sahaja**.

Sekiranya tuan/puan bersetuju untuk mengambil bahagian dalam temubual ini dan membenarkan temuduga dijalankan mengikut prosedur seperti yang dinyatakan di atas sila tandatangan mengikut maklumat dibawah. Saya telah membaca maklumat yang tertera di atas dan bersetuju untuk mengambil bahagian dalam projek penyelidikan ini.

Tandatangan Klien :..... Tarikh :.....
Nama klien: :
Alamat :
No. Telefon :
Nama Penemuramah: Cairun Niza binti Mohamed Hashim
No Matrik : 3211080



BORANG MAKLUMAT KLIEN

NO. RUJUKAN :

TARIKH :

NAMA :

UMUR :

JANTINA :

BANGSA :

AGAMA :

PENDIDIKAN :

PEKERJAAN :

JAWATAN :

PANGKAT :

ALAMAT TEMPAT TINGGAL :

NO. TELEFON: (R) (P) (H/P)

E-MEL :

STATUS PERKAHWINAN :

BILANGAN ANAK :

LATARBELAKANG KELUARGA :

- Ibu (nama/umur/pekerjaan/dll) :
- Bapa (nama/umur/pekerjaan/dll) :
- Adik-beradik (bilangan/umur/pekerjaan/dll) :

LATAR BELAKANG KERJA :

Appendix B – Interview Protocol

Focus of research	Sub focus of research	Questions
Subject demography		Could you please tell me about yourself?
What is the drug situation in Malaysia in terms of the Narcotic Criminal Investigation Department's focus?	Experience in NCID	Tell me about your experience in NCID <ul style="list-style-type: none"> • What are/were the most valuable experience? • What are feeding your strength on combating drug?
	Drug situation in Malaysia	In your opinion, how about drug situation in Malaysia? <ul style="list-style-type: none"> • Drug Smuggling/trafficking • Drug possession • Drug Legal
	Focus of NCID	What is the focus of NCID? <ul style="list-style-type: none"> • Which is the focus of NCID that you are responsible for based on your current job position? • How are your efforts and planning to achieve that focus? • Is NCID's focus relevant to the current drug situation in Malaysia? • In your opinion, are the focus of NCID in line with the drug combating efforts that have been implemented? • How successful has this focus been in reducing the drug problem?

Focus of research	Sub focus of research	Questions
What are the issues on combating drug in Malaysia from NCID perspectives?	Any drug issue in Malaysia	<p>What are the issues / problems in Malaysia?</p> <ul style="list-style-type: none"> • What is the most pressing issue and needs to be prioritized? • What is the effect of this issue towards combating efforts? <p>How does Malaysia deal with this drug issue?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Are the eradication efforts carried out effective? • What is the reason for the failure on combating efforts? <p>What are your recommendations to ensure that eradication efforts are effective?</p>
	Drug trafficking and smuggling	<p>How does Malaysia deal with the issue of smuggling and trafficking?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Are the eradication efforts carried out effective?
	Drug legal	<ul style="list-style-type: none"> • What are the laws related to drugs in Malaysia? • In your opinion, is this law effective in dealing with the drug issue in Malaysia? • What are the issues related to drug laws in Malaysia? • Do you think the drug laws in Malaysia need to be amended? if so, state from which aspect

Appendix C – Sample of Interview Transcript

<p>Saya</p>	<p>Assalamualaikum Pn. Terima kasih sebab sudi ditemuramah. Macam yang puan tau, sesi temuramah ini adalah untuk dapatan thesis saya, tajuknya Combating drug in Malaysia: Case study among narcotic personnel. So ada beberapa soalan saya akan tanyakan pada puan, semoga puan dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan puan tentang topik ini. So untuk soalan pertama, boleh ke puan kongsi pandangan puan berkenaan situasi dadah di Malaysia?</p>
<p>R3</p>	<p>Walaikumussalam w.b.t... Terima kasih juga sudi temuramah saya. Saya rasa rendah diri sebenarnya... Kalau nak ikutkan puan lagi banyak pengalaman daripada saya dalam JSJN. Apapun terima kasih bagi peluang kepada saya menyumbang sesuatu... Berbalik kepada soalan puan tentang situasi dadah di Malaysia, sehingga ke hari Malaysia masih lagi dianggap musuh no. 1 negara. Pelbagai usaha dilakukan oleh agensi penguatkuasaan bukan hanya JSJN tetapi juga AADK dan NGO bagi memastikan Malaysia bebas dadah, tetapi seolah-olah mustahil kerana terlalu banyak faktor yang menghalang. Ancaman dadah kepada negara ini telah memberi kesan kepada struktur ekonomi, perundangan dan sosial terutamanya. Zaman sekarang penagih dan pengedar dadah semakin bijak. Macam di Malaysia beban pembuktian terletak kepada pihak pendakwaan untuk memastikan kes pemilikan ini convicted. Kita tahu bahawa untuk melaksanakan pertuduhan mesti ada elemen</p>

knowledge, custody dan control. Masalah yang berlaku sekarang pihak tertuduh biasanya akan memainkan isu bahawa mereka telah dianiaya oleh pihak polis dengan mengatakan bahawa semasa tangkapan tiada dadah bersama mereka tetapi di dalam laporan polis ada dadah. Walaupun tiada saksi yang mengesahkan tetapi kadang kala isu ini akan menyukarkan pihak timbalan pendakwaraya untuk memberi arahan pertuduhan. Macam kalau ancaman dari segi perundangan pula, Sekiranya dilihat kepada seksyen 30(3) Akta racun 1952 denda yang dikenakan untuk kesalahan memiliki dan memetik ketum pada masa dahulu hanya RM10k. Tetapi sekarang denda untuk memiliki ketum telah dinaikkan kepada 30k. Pindaan akta ini sangat baik kerana ia memberi amaran kepada pengedar daun ketum bahawa hukuman yang lebih berat menanti di atas kesalahan yang mereka lakukan. Walau bagaimanapun untuk akta racun ini masih perlu dikaji kerana di dalam akta hanya dinyatakan kesalahan memiliki dan memetik daun ketum sahaja boleh diambil tindakan sedangkan menanam ketum tidak menjadi kesalahan dengan alasan ketum boleh tumbuh secara meliar. Adalah mustahil ketum yang meliar tumbuh secara selari seperti ladang yang dijaga. Oleh itu perlu dinyatakan justifikasi ketum yang hidup secara meliar dan ketum yang ditanam supaya satu pihak yang sepatutnya terlibat menanam ketum turut dihadapkan ke mahkamah. Apa yang membimbangkan adalah trend pengedaran dadah dalam kalangan kanak-kanak...berusia 12 tahun hingga 13 tahun dan juga pelajar universiti terbabit dengan penyalahgunaan dadah...kalau setakat

	<p>ambil dadah itu satu hal tetapi kadang-kadang pengedaran dadah dan sebagainya. Namun NCID sentiasa memberi kerjasama dalam membantu pegawai perhubungan sekolah yang terdiri daripada pegawai polis untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar ini mengenai bahaya dadah dan kesan terlibat dengan penyalahgunaan dadah.</p>
Saya	<p>Apakah fokus JSJN, apakah usaha JSJN dalam mencapai fokus dan adakah ianya tercapai?</p>
R3	<p>Fokus utama JSJN tentulah menyekat penawaran dan permintaan dadah. Itu sebabnya tangkapan kita lakukan setiap hari. Jadi kita perlu kepada maklumat yang berkualiti. Disebabkan itu, JSJN juga mempunyai jaringan kerjasama yang baik dengan negara luar melalui bahagian risikan perhubungan antarabangsa. Biasanya apabila sesuatu tangkapan dilakukan melibatkan negara luar, samaada tangkapan dilakukan di luar negara ke atas warganegara Malaysia ataupun orang yang ditangkap adalah warganegara asing, kita akan melakukan mesyuarat penyelarasan kajian kes dengan pihak negara tersebut. Kerjasama antara negara ini akan membantu dalam merungkai masalah dadah 2 negara khususnya dan dunia amnya. Selain daripada itu, JSJN memang memperkasakan penugasan di bahagian perlucuthakan harta untuk menyita harta-harta sindiket. Sekiranya dilihat dari aspek perundangan, beban pembuktian untuk kes yang disiasat di bawah forfeiture of property terletak kepada orang yang dituduh. Tertuduh perlu membuktikan sendiri bahawa harta yang ingin disita adalah bukan harta yang diperolehi daripada aktiviti pengedaran dadah dan</p>

	<p>meyakinkan mahkamah mengenai sumber harta tersebut. Sungguhpun begitu tidak bermakna tugas pegawai penyiasat Forfeiture of Property Department mudah, tetapi memerlukan usaha dan kesungguhan yang tinggi. Justeru, NCID sering menghantar Forfeiture of Property Investigation Officer ke kursus yang meningkatkan tahap kecekapan mereka dalam bidang penyiasatan.</p> <p>Penugasan JSJN sekarang lebih fokus kepada aktiviti pengedaran dan pemilikan dadah. Kita dah tak ambil kes-kes penagihan lagi. Sejak bulan 4 tahun 2019 tugas menagkap penagih yang disiasat di bawah Act 1983 Drugs (Treatment And Rehabilitation) terletak sepenuhnya di bawah tanggungjawab AADK. Walaupun NCID tidak lagi membuka siasatan di bawah akta tersebut namun sekiranya tangkapan yang dilaksanakan tidak mempunyai dadah ataupun kes yang tidak boleh diambil tindakan under Section 15(1)(a) Dangerous Drug Act 1952, JSJN akan menyerahkan penagih kepada pihak AADK untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>Tapi secara keseluruhannya pada pendapat saya, JSJN telah mencuba yang terbaik untuk melaksanakan semua fokus-fokusnya. JSJN telah melakukan pembanterasannya secara holistik dan penuh tanggungjawab.</p>
Saya	Mengikut pengalaman dan pandangan puan apakah isu-isu dadah di Malaysia yang mana sehingga ke hari ini kita masih berdepan dengan masalah dadah?
R3	Saya rasa banyak sebenarnya, ada yang <i>under</i> kita punya control ada yang <i>beyond</i> kita punya <i>control</i> . Kalau dilihat kepada faktor dalaman

JSJN sendiri yang paling utama adalah isu perjawatan la. Kita berhadapan dengan dadah musuh no. 1 di Malaysia, tetapi kekuatan perjawatan JSJN hanya 4% sahaja daripada keseluruhan perjawatan PDRM di seluruh negara. Peratus yang sangat kecil. Adalah menjadi keperluan untuk membuat penambahan perjawatan supaya aktiviti memerangi dadah dapat dijalankan secara holistik.

Selain daripada itu adalah dari segi infrastruktur. Usia PDRM lebih 200 tahun, sepatutnya semakin lama usia semakin, semakin terbaik facilities dan infrastructure yang disediakan. Knologi ...Zaman sekarang zaman teknologi, tetapi kita agak terkebelakang. Sekiranya kita memiliki banyak unit peralatan canggih untuk mengesan dadah, kita boleh peruntukan kepada kontinjen dan daerah juga. Kebanyakan peralatan canggih sekarang hanya ditempatkan di Bukit Aman Headquarters sahaja.

Lagi satu isu integriti. Salah satu masalah dadah tidak pernah selesai di Malaysia apabila NCID members tidak mempunyai integrity yang tinggi. Macam-macam cara boleh dibuat duit sekiranya tidak amanah.

Kalau nak lihat dari masalah luaran pulak adalah faktor geografi. Kedudukan Malaysia dalam peta dunia. Risiko dadah masuk ke negara kita samada dijadikan tempat transit atau untuk kegunaan pengguna Malaysia jika dilihat dari faktor geografi adalah sangat tinggi kerana jarak sempadan antabangsa Malaysia – Thailand melalui Sungai Golok sangat dekat. Jarak persisiran pantai Malaysia - Indonesia pula sangat panjang sehingga menyukarkan tindakan penguatkuasaan secara

berterusan. Tambahan pula Malaysia mempunyai sempadan hutan yang luas dan berbukit bukau. Dalam musim Covid-19 yang lalu, dikesan penjualan atau pembelian dadah secara terbuka di laman sesawang e-dagang yang popular iaitu shoppee, lazada dan corousel. Kemungkinan perintah kawalan pergerakan telah membataskan perniagaan sindiket dadah, jadi tanpa berfikir panjang, pengedaran /penjualan semakin berani dipromosikan di talian perniagaan online yang memang mudah diakses untuk semua. NCID sebelum ini pernah merampas berbotol-botol CBD Oil yang dijual menggunakan platform internet.

Modus operandi pun salah satu punca juga. Zaman sekarang ni MO cepat je berubah. Pengedaran dan penyeludupan dadah boleh jadi melalui jalan laut, udara dan darat. *Lately*, kita banyak membuat rampasan dadah melalui jalan laut. Dadah disorokkan di dalam kontena yang didaftarkan dengan barang lain tetapi sebahagian daripada kontena dipenuhi dadah. Saya teringat ada satu ketika dadah banyak diterima melalui parcel daripada syarikat yang menawarkan perkhidmatan kurier. Macam kalau cakap dari segi undang-undang pula, PDRM khususnya JSJN telah menyatakan pendirian tidak bersetuju di atas isu *decriminalization* seksyen 15(1)(a) DDA 1952 dan Seksyen 12(2) DDA 1952. Decriminalization ini bermaksud pesalah dadah melakukan kesalahan, tetapi tidak disenaraikan di bawah kesalahan jenayah dadah. Sekiranya *decriminalization* seksyen 15(1)(a) DDA 1952 dan Seksyen 12(2) DDA 1952 dipersetujui, undang menjadi semakin longgar,

	<p>pesalah dadah akan berterusan untuk melakukan kesalahan kerana kesalahan mereka tidak direkodkan. Situasi ini membantutkan usaha pembanterasannya dadah. Saya rasa itulah antara isu-isunya mengapa dadah masih berleluasa di negara kita.</p>
Saya	<p>Saya rasa perkongsian dan jawapan-jawapan daripada puan dah cover objektif kajian saya dan inshaallah cukup untuk saya kupaskan. Sekiranya perlu kepada temuramah lanjutan puan tak keberatan kan?</p>
R3	<p>Alhamdulillah. Inshaallah boleh je puan. Apa-apa puan bagitau ye.</p>
Saya	<p>Ok puan. Terima kasih puan. Assalamualakum</p>
R3	<p>Sama-sama puan. Waalaikumsalam</p>